

TS
533

**PENERAPAN KONSEP TEKNOLOGI HIJAU DALAM KALANGAN
PELAJAR KOLEJ KEMAHIRAN TINGGI MARA**

DADUEL ISMAIL B. EHMAD YATIM

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PENGESAHAN STATUS LAPORAN PROJEK SARJANA

PENERAPAN KONSEP TEKNOLOGI HIJAU DALAM KALANGAN PELAJAR
KOLEJ KEMAHIRAN TINGGI MARA

SESI PENGAJIAN: 2011/2012

Saya **BADRUL HISHAM B. MOHAMAD YATIM** mengaku membenarkan Laporan Projek Sarjana ini disimpan di Perpustakaan dengan syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
2. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan untuk pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.
4. ** Sila tandakan (✓)



SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)



TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)



TIDAK TERHAD

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap:

2242 KG TG STAN, KBG.KERIAN
16150 KOTA BHARU
KELANTAN.

Tarikh: 23/7/2012

Disahkan oleh

(TANDATANGAN PENYELIA)

Nama Penyelia

TN. HJ YUSOF B. JAMAR @JAMIL

Tarikh: 25.7.2012

CATATAN:

*** Jika Laporan Projek Sarjana ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.



PENERAPAN KONSEP TEKNOLOGI HIJAU DALAM KALANGAN PELAJAR
KOLEJ KEMAHIRAN TINGGI MARA

BADRUL HISHAM B. MOHAMAD YATIM


Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal (Kejuruteraan Awam)

Control No:	000523
Accession No.	400533
LC No.:	TS .B334 2012


Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Julai 2012

Saya akui laporan projek ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



Tandatangan :
BADRUL HISHAM BIN MOHAMAD YATIM
Tarikh : 9 JULAI 2012



Penyelia :
: TN. HJ. YUSOF B. JAMAR @ JAMIL

Dedikasi

“Untuk Ibu yang disayangi, dedikasi untuk Hasmah, Muaaz, Sumayyah dan Muhammad Muslim, rakan-rakan seperjuangan dan penyelia yang memberi dorongan dan semangat dalam usaha saya menyiapkan kajian ini, terima kasih”

ABSTRAK

Penerapan Teknologi Hijau dalam budaya Malaysia merupakan salah satu daripada matlamat jangka panjang yang telah digariskan dalam Rancangan Malaysia ke-10. Oleh itu, setiap institusi mempunyai peranan dan tanggung jawab bagi merealisasikan supaya masyarakat menyedari dan memahami pentingnya amalan dan penggunaan Teknologi Hijau dalam kehidupan seharian. Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti tahap kesediaan pelajar terhadap penerapan konsep Teknologi Hijau dan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran terhadap penerapan konsep Teknologi Hijau dalam kalangan pelajar Kolej Kemahiran Tinggi MARA Sri Gading. Kajian ini berbentuk tinjauan dimana setiap maklumat diperolehi daripada borang soal selidik yang diedarkan kepada pelajar semester 2 dan 4 program Diploma Teknologi di KKTM Sri Gading. Sampel kajian adalah seramai 137 orang responden. Data dianalisis menggunakan perisian *Statistic Package for Social Science Version 20.0*. Kajian mendapati bahawa tahap kesediaan pelajar terhadap penerapan konsep Teknologi Hijau menerusi P&P berada pada tahap tinggi ($\text{min}=3.84$) manakala tahap keberkesanan proses P&P terhadap penerapan Teknologi Hijau dalam kalangan pelajar KKTM Sri Gading juga berada pada tahap tinggi ($\text{min}=3.99$). Seterusnya keputusan yang diperolehi dari analisis korelasi Pearson menunjukkan hubungan yang positif dengan pekali korelasi yang sederhana iaitu $r = 0.577$ di antara tahap kesediaan pelajar dan keberkesanan P&P terhadap penerapan konsep Teknologi Hijau menerusi proses P&P. Dapatan kajian ini menyarankan perlunya komitmen semua pihak untuk menerapkan konsep Teknologi Hijau di institusi pendidikan PTV khususnya di KKTM.

ABSTRACT

The integration of Green Technology into Malaysian culture was one of the many long term objectives in The Tenth Malaysia Plan. Therefore, all institutions should realize their roles and responsibilities in making the public aware and understand the importance of Green Technology in daily life and its applications. The research was conducted to identify the level of students' readiness on the adoption of Green Technology and the effectiveness of teaching and learning process for the application of Green Technology Concept. The respondents for this study are students of Kolej Kemahiran Tinggi MARA Sri Gading (KKTM SG). The research was based on a survey where all the information was collected through the distribution of questionnaire forms to Semester two and four students from Diploma in Technology in KKTM SG. The research involved 137 respondents. Data collected was analyzed using the Statistical Package for Social Science Version 20.0. The research findings show that the readiness on the adoption of Green Technology Concept through teaching and learning process was at a high level (mean=3.84) while the level of effectiveness in teaching and learning process on the of Green Technology Concept among students of KKTM SG was also at a high level (mean=3.99). The Pearson Correlation Analysis showed positive relationship with medium correlation was $r=0.577$ between the level of readiness and the effectiveness of teaching and learning process in the integration of Green Technology Concept through teaching and learning process. The result suggested the need for commitment from all parties in implementing the Green Technology Concept in technical and vocational educational particularly in KKTM SG.

SENARAI KANDUNGAN

TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
DEDIKASI	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
SENARAI ISTILAH	xi
SENARAI LAMPIRAN	xii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang kajian	3
1.3 Pernyataan masalah	4
1.4 Objektif kajian	5
1.5 Persoalan kajian	5
1.6 Hipotesis kajian	5
1.7 Kerangka teori kajian	6
1.8 Skop kajian	6
1.9 Batasan kajian	7
1.10 Kepentingan kajian	7
1.11 Definisi operasi	8

BAB 2	KAJIAN LITERATUR	9
2.1	Pengenalan	9
2.1.1	Matlamat jangka pendek	10
2.1.2	Matlamat jangka sederhana	10
2.1.3	Matlamat jangka panjang	11
2.2	Perbandaran hijau	12
2.3	Kajian Teknolog Hijau	12
2.4	Kajian penyelidikan terdahulu	15
2.5	Rumusan	20
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	21
3.1	Pengenalan	21
3.2	Reka bentuk kajian	21
3.3	Kerangka kerja operasi	22
3.4	Populasi dan sampel kajian	23
3.5	Lokasi kajian	23
3.6	Instrumen kajian	24
3.7	Kesahan	25
3.8	Pentadbiran soal selidik	25
3.9	Kajian rintis	26
3.10	Pemboleh ubah kajian	27
3.11	Pengumpulan data	27
3.12	Analisis data	27
3.13	Rumusan	29
BAB 4	ANALISIS DATA	30
4.1	Pengenalan	30
4.2	Latar belakang responden	30
4.2.1	Jantina	30
4.2.2	Program	31
4.3	Dapatan kajian	31
4.3.1	Persembahan dan analisis data persoalan kajian pertama	32
4.3.2	Persembahan dan analisis data persoalan kajian kedua	34

4.3.3	Persembahan dan analisis data persoalan kajian ketiga	35
4.3.4	Persembahan dan analisis data hipotesis null	37
4.4	Rumusan	38
BAB 5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	39
5.1	Pengenalan	39
5.2	Perbincangan	39
5.3.1	Sejauh manakah tahap kesediaan pelajar dalam penerapan konsep Teknologi Hijau semasa proses pengajaran dan pembelajaran di Kolej Kemahiran Tinggi MARA Sri Gading	40
5.3.2	Sejauh manakah tahap keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran terhadap penerapan konsep Teknologi Hijau di Kolej Kemahiran Tinggi MARA Sri Gading	43
5.3.3	Sejauh manakah terdapatnya hubungan di antara terhadap kesediaan pelajar dan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran terhadap penerapan konsep teknologi hijau menerusi proses pengajaran dan pembelajaran	45
5.4	Kesimpulan	46
5.5	Cadangan	47
5.5.1	Cadangan kepada pengajar	47
5.5.2	Cadangan kepada KKTM	48
5.5.3	Cadangan kepada Bahagian Kemahiran dan Teknikal (BKT)	49
5.5.4	Cadangan kajian lanjutan	49
5.6	Penutup	50
	RUJUKAN	51
	LAMPIRAN	56

SENARAI JADUAL

3.1	Sampel kajian	23
3.2	Bahagian soal selidik	24
3.3	Pemberatan skala	25
3.4	Tahap skor min	28
3.5	Guillford's Rules of Thumbs	28
3.6	Kaedah penganalisan data	28
4.1	Sample kajian mengikut taburan jantina	31
4.2	Taburan pelajar mengikut program	31
4.3	Statistik deskriptif bagi tahap kesediaan pelajar terhadap penerapan konsep Teknologi Hijau menerusi proses pengajaran dan pembelajaran	33
4.4	Statistik deskriptif bagi tahap keberkesanan pelajar terhadap penerapan konsep Teknologi Hijau menerusi proses pengajaran dan pembelajaran	34
4.5	Korelasi di antara tahap kesediaan pelajar dan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran terhadap penerapan konsep Teknologi Hijau menerusi proses pengajaran dan pembelajaran	36
4.6	Ujian -t bebas bagi menentukan Hipotesis Null	37

SENARAI RAJAH

1.1	Kerangka konsep kajian	6
3.2	Carta alir kerangka kerja operasi	22

Hak Milik MARA

SENARAI ISTILAH

BKT	-	Bahagian Kemahiran dan Teknikal MARA
FTV	-	Fleet Test Vehicle
KKTM	-	Kolej Kemahiran Tinggi MARA
P&P	-	Pengajaran dan Pembelajaran
UTHM	-	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Hak Milik MARA

SENARAI LAMPIRAN

A	Jadual penentuan saiz sampel Krejei dan Morgan	56
B	Borang soal selidik	57
C	Borang semakan soal selidik	61
D1	Borang permohonan mendapatkan maklumat bagi tujuan pengumpulan data pelajar dari UTHM	68
D2	Borang permohonan mendapatkan maklumat bagi tujuan penyelidikan dari BKT	69
E	Analisis kajian rintis	71
F	Analisis kajian sebenar	74
G	Gantt Chart	80

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dasar Negara mengenai pemuliharaan dan perlindungan alam sekitar dapat dilihat melalui komitmen kerajaan dengan penubuhan Dasar Alam Sekitar Negara (2002) diikuti dengan Dasar Teknologi Hijau Negara dan Dasar Perubahan Iklim Negara (2009). Dasar Alam Sekitar Negara memberi penekanan kepada pengurusan alam sekitar yang efektif, pencegahan dan kawalan pencemaran, pendidikan dan kesedaran awam manakala Dasar Teknologi Hijau Negara memberi tumpuan kepada pembangunan mapan serta membangunkan *roadmap* sebagai panduan mengenai aplikasi Teknologi Hijau dalam pelbagai sektor termasuk penjanaan elektrik, pengangkutan dan pembinaan.

Empat tonggak Dasar Teknologi Hijau Negara iaitu pertama, tenaga, mencari ketidakbergantungan tenaga dan mempromosikan kecekapan tenaga, kedua, alam sekitar, memulihara dan meminimumkan kesan kepada alam sekitar, ketiga, ekonomi, meningkatkan pembangunan ekonomi negara melalui penggunaan teknologi dan keempat, sosial, meningkatkan kualiti hidup untuk semua.

Masyarakat perlu difahamkan mengenai kepentingan Teknologi Hijau melalui media massa, aktiviti, program yang bersesuaian manakala para pelajar disekolah seharusnya digalakkan dengan pelbagai aktiviti yang menjurus kepada Teknologi Hijau. Menurut Zulkiffli (2003), pendidikan dan kesedaran merupakan satu daripada bidang tumpuan strategi hijau yang menekankan konsep kesejahteraan alam sekitar dan pembangunan lestari dalam membentuk sikap keprihatinan terhadap alam sekitar. Manakala menurut Cartledge (2009) fenomena pemanasan bumi berasaskan sinar

ultraungu yang dipancarkan oleh matahari ke bumi, sebahagiannya dipantul semula ke angkasa lepas oleh atmosfera, sebahagian lagi pula akan sampai ke bumi untuk memanaskan bumi. Haba yang sampai ke bumi dipantul semula oleh permukaan bumi ke angkasa lepas sebagai sinar inframerah. Tidak semua tenaga haba ini menembusi atmosfera. Kebanyakan tenaga haba ini diserap oleh gas-gas di atmosfera contohnya gas karbon dioksida, karbon monoksida, klorofluorokarbon dan metana. Haba yang terperangkap telah meningkatkan suhu bumi menyebabkan bumi sentiasa panas. Pertambahan gas-gas yang mencemar seperti oksida nitrogen dan sulfur dioksida juga telah memerangkap haba dan menaikkan suhu. Pertambahan karbon dioksida diburukkan lagi dengan pembakaran bahan-bahan api fosil seperti arang batu, petrol dan gas asli.

Menurut Hasan (2010), impak negatif daripada sektor pembinaan terhadap alam sekitar dapat dilihat daripada pelbagai bentuk masalah pencemaran alam samada secara langsung atau tidak langsung. Pencemaran udara hasil daripada pembebasan asap di tapak bina serta pencemaran air hasil daripada pembuangan sisa binaan ke sungai dan tasik semulajadi merupakan kesan segera yang boleh dilihat oleh aktiviti pembinaan terhadap alam sekitar.

Dari perspektif pendidikan teknikal dan vokasional, sektor bangunan yang berkaitan dengan Teknologi Hijau adalah mementingkan kepada rekabentuk bangunan bercirikan hijau, pembinaan bangunan berciri hijau, pengurusan dan penyelenggaraan bangunan, dan pemuliharaan dan pemusnahan bangunan (Yang, 2004). Kolej Tinggi Kemahiran Mara (KKTM) Sri Gading telah berusaha untuk menyedarkan pelajar program Diploma Teknologi Pembinaan dengan kesan rumah hijau yang merupakan suatu fenomena pemanasan bumi.

Dalam usaha menerapkan konsep Teknologi Hijau di kalangan kalangan pelajar KKTM tersebut beberapa kursus telah dibangunkan khas untuk program teknologi pembinaan seperti *Construction Technology*, *Introduction to Mechanical and Electrical Technology*, *Technical Science 1* dan *2* yang memberi penekanan kepada kesan pencemaran udara, pencemaran air, pencemaran tanah dan pencemaran bunyi. Kesemua kursus di KKTM disampaikan menerusi pengajaran dan pembelajaran (P&P), latihan amali, projek serta lawatan akademik.

1.2 Latar belakang kajian

Program Diploma Teknologi Pembinaan KKTM memang menitikberatkan Teknologi Hijau dalam kurikulumnya. Menerusi beberapa kursus dalam program tersebut pelajar KKTM memang didedahkan dengan keburukan pencemaran alam sekitar. Kejadian hujan asid, kesan rumah hijau, penipisan ozon adalah antara kesan-kesan pencemaran alam sekitar yang serius dan perlu ditangani segera sebelum ia menjadi lebih kritikal.

Kaedah pengajaran dan pembelajaran termasuk kandungan kursus-kursus tertentu dalam program teknologi pembinaan di KKTM telah dimuatkan dengan konsep Teknologi Hijau. Konsep Teknologi Hijau tersebut telah diterapkan dengan kombinasi 40 peratus teori dan 60 peratus amali (BKT, 2011). Pelajar KKTM juga dikehendaki memperolehi kesedaran konsep Teknologi Hijau melalui penerapan dalam aktiviti kokurikulum. Di antaranya ialah kesedaran melalui persatuan dan kelab Teknologi Hijau di mana mereka telah menjalankan beberapa aktiviti untuk menguatkan kemahiran insaniah seperti menganjurkan seminar, pameran, penglibatan aktiviti kemasyarakatan, keusahawanan, kerja sepasukan, dan kepimpinan menerusi kempen Teknologi Hijau.

Yang (2004) menyatakan menerusi kurikulum pelajar telah disedarkan dengan konsep Teknologi Hijau dalam aspek masalah pencemaran seperti pencemaran air, tanah, udara dan bunyi. Menurut Said (1999), diantara cara yang berkesan meningkatkan kesedaran alam sekitar di kalangan orang ramai ialah melalui pendidikan alam sekitar. Manusia sebagai khalifah di bumi ini seharusnya mengambil berat terhadap masalah ini dan bukannya menambahkan lagi beban hidup masyarakat yang akan datang. Seperti yang kita ketahui, pencemaran boleh diklasifikasikan kepada empat kategori utama iaitu Pencemaran Udara, Pencemaran Air, Pencemaran Tanah, dan Pencemaran Bunyi.

Pemerhatian telah dibuat melalui proses P&P mendapati ramai pelajar KKTM yang bersikap sambil lewa seperti membuang sampah di merata tempat terutama di asrama bilik kuliah serta kebersihan di dalam bengkel terutama selepas kerja-kerja amali ataupun sisa lebihan kayu dan simen di tapak amali di luar bengkel di mana sikap sedemikian boleh menyumbang kepada pencemaran alam sekitar. Pencemaran udara boleh memberi kesan terhadap kesihatan manusia, tumbuh-tumbuhan, haiwan,

pengurangan lapisan ozon, hujan asid serta mengakibatkan kesan rumah hijau dan pemanasan global (Kemp, 2009).

Selain daripada itu, didapati pelajar masih memiliki kesedaran yang rendah dalam menjaga nilai air. Mereka juga masih kurang memberi perhatian terhadap pembuangan sisa air. Contohnya mereka sesuka hati mencemarkan air dengan sengaja membuang sisa air atau air kotor dari bancuhan simen dan lain – lain air buangan ke dalam longkang-longkang atau ke tanah. Menurut Freeman (2005), pencemaran air boleh memberikan kesan terhadap kesihatan manusia, kesan kepada kualiti air, mengurangkan kandungan oksigen terlarut, mencemarkan sistem air bawah tanah, menjejaskan keindahan alam, berlakunya banjir, dan kemusnahan akuatik.

Dalam memikirkan bagaimana kaedah yang betul dalam menangani permasalahan untuk menyedarkan pelajar KKTm dalam mengaplikasikan konsep Teknologi Hijau dalam proses pengajaran dan pembelajaran, penyelidik tertarik dan berminat untuk menjalankan kajian secara saintifik berkaitan kajian penerapan konsep Teknologi Hijau dalam kalangan pelajar Kolej Kemahiran Tinggi Mara Sri Gading.

1.3 Pernyataan masalah

Berdasarkan perbincangan yang dikemukakan di bahagian latar belakang kajian, didapati proses P&P menghasilkan pelbagai faedah kepada para pelajar. Menurut Mok, (2002), keberkesanan sesuatu P&P bergantung kepada kesediaan seseorang pelajar itu untuk mengikuti P&P yang dilaksanakan. Selain daripada bukti-bukti literatur, beberapa maklum balas berkaitan faedah yang diterima oleh pelajar semasa mengikuti proses P&P tentang konsep Teknologi Hijau di Kolej Kemahiran Tinggi Mara Sri Gading. Maklum balas tersebut juga menunjukkan proses P&P boleh memberi manfaat kepada pelajar dari segi menyediakan mereka dengan konsep Teknologi Hijau. Justeru itu, satu kajian diperlukan untuk melihat sejauh manakah proses proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan di Kolej Kemahiran Tinggi Mara Sri Gading dapat menerapkan konsep Teknologi Hijau di kalangan para pelajar bagi menyediakan mereka sebagai insan yang berperihatin dengan Teknologi Hijau.

1.4 Objektif kajian

Objektif kajian adalah seperti berikut,

- a) Mengenalpasti tahap kesediaan pelajar terhadap penerapan konsep Teknologi Hijau menerusi proses pengajaran dan pembelajaran.
- b) Mengenalpasti keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran terhadap penerapan konsep Teknologi Hijau dalam kalangan pelajar.
- c) Menilai hubungan di antara kesediaan pelajar dan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran terhadap penerapan konsep Teknologi Hijau dalam kalangan pelajar menerusi proses pengajaran dan pembelajaran.

1.5 Persoalan kajian

Soalan kajian adalah seperti berikut,

- a) Sejauh manakah tahap kesediaan pelajar terhadap penerapan konsep Teknologi Hijau menerusi proses pengajaran dan pembelajaran ?
- b) Sejauh manakah keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran terhadap penerapan konsep Teknologi Hijau dalam kalangan pelajar?
- c) Sejauh manakah terdapatnya hubungan di antara tahap kesediaan pelajar dan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran terhadap penerapan konsep Teknologi Hijau menerusi proses pengajaran dan pembelajaran?


1.6 Hipotesis kajian

Hipotesis kajian seperti berikut;

Hipotesis Null : Hasil kajian menunjukkan tiada wujudnya perbezaan yang signifikan diantara kedua – dua min variabel dalam penerapan konsep Teknologi Hijau menerusi proses pengajaran dan pembelajaran di KKTM.

1.7 Kerangka konsep kajian

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konsep kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam menjalankan kajian ini. Kerangka konsep kajian mempunyai tiga komponen utama iaitu masukan, proses dan keluaran. Masukan bagi kerangka konsep kajian ini merupakan penerapan konsep Teknologi Hijau dalam kalangan pelajar KKTm manakala keluarannya merupakan para pelajar KKTm yang mempunyai kesediaan konsep Teknologi Hijau yang tinggi.



Sumber: Adaptasi dari Emat.(1993), Rali (2003) dalam Sidek (2007)

Rajah 1.1: Kerangka konsep kajian

1.8 Skop kajian

Skop kajian ini memfokuskan kepada penerapan konsep Teknologi Hijau dalam kalangan pelajar KKTm Sri Gading yang terdiri daripada pelajar dalam program Diploma Teknologi Pembinaan Turapan dan Jalan Raya, Geostruktur, Forensik dan Penyelenggaraan Bangunan, Sistem Termaju serta Perkhidmatan Bangunan dan Penyelenggaraan sahaja. Kajian ini dijalankan di KKTm Sri Gading yang mana

kesemua program yang ditawarkan mengkhususkan dalam bidang teknologi pembinaan yang bersesuaian dengan tajuk kajian.

1.9 Batasan kajian

Kajian ini hanya dijalankan di Kolej Kemahiran Tinggi MARA Sri Gading, Batu Pahat, Johor. Responden yang terlibat dalam kajian ini merupakan pelajar KKTM dimana penyelidik telah membataskan kepada pelajar – pelajar semester dua dan empat untuk lima program diploma teknologi iaitu program Diploma Teknologi Pembinaan Turapan dan Jalan Raya, Geostruktur, Forensik dan Penyelenggaraan Bangunan, Sistem Termaju serta Perkhidmatan Bangunan dan Penyelenggaraan. Kajian ini hanya menggunakan borang soal selidik untuk tujuan pengumpulan data.

1.10 Kepentingan kajian

Kajian ini dapat memberi maklumat kepada pihak Bahagian Kemahiran dan Teknikal MARA untuk penambahbaikan kurikulum bagi memantapkan dan memenuhi kehendak industri pembinaan yang sekarang ini menuju kearah Teknologi Hijau disamping dapat merangka perancangan latihan dan kursus yang bersesuaian kepada pengajar.

Disamping itu, kajian ini juga dapat menambahkan maklumat yang berguna kepada pihak pengurusan Kolej Kemahiran Tinggi MARA dalam perancangan akademik sejajar dengan perkembangan Teknologi Hijau, kursus, seminar, bengkel yang berkaitan dengan Teknologi Hijau yang dapat dimanfaatkan oleh pengajar serta perancangan perolehan alatan dan bahan latihan yang bersesuaian untuk kepentingan pelajar. Seterusnya, kajian ini dapat membantu pengajar dalam menambahbaik proses pengajaran dan pembelajaran terutama berkaitan dengan Teknologi Hijau bagi meningkatkan kefahaman dan kemahiran pelajar.

1.11 Definasi operasi

Penyelidik telah mendefinisikan beberapa istilah mengikut konteks kajian yang dijalankan seperti berikut:

(i) Teknologi Hijau

Dalam kajian ini, definasi Teknologi Hijau adalah merujuk kepada pembangunan lestari, aplikasi produk yang mesra alam, peralatan serta sistem untuk memelihara alam sekitar yang memberi manfaat kepada manusia dan meminimumkan atau mengurangkan kesan negatif daripada aktiviti manusia.

(ii) Kolej Kemahiran Tinggi MARA

Kolej Kemahiran Tinggi MARA merupakan institusi kemahiran yang ditubuhkan di bawah Akta MARA dan di kawal oleh Bahagian Kemahiran dan Teknikal. KKTM merupakan institusi pendidikan teknik dan vokasional yang menawarkan program di peringkat diploma kejuruteraan dan teknologi dengan pelbagai bidang. KKTM yang terlibat dalam kajian ini merupakan KKTM yang mengkhususkan dalam bidang teknologi pembinaan.

(iii) Pelajar KKTM

Dalam kajian ini, pelajar yang dimaksudkan ialah pelajar yang sedang mengikuti kursus tahap diploma teknologi pembinaan di KKTM. Pelajar yang mengikuti kursus di KKTM merupakan pelajar lepasan SPM, atau lepasan IKM atau mana – mana institusi PTV yang memenuhi syarat kemasukan ke KKTM.

(iv) Penerapan

Penerapan dapat dikaitkan dengan perlaksanaan atau perbuatan menerapkan sesuatu teori atau praktikal dalam melaksanakan sesuatu perkara. Bagi tujuan kajian ini, penerapan bermaksud sesuatu integrasi elemen teori dan kemahiran dalam kelas, bengkel atau projek yang dilaksanakan oleh tenaga pengajar terhadap pelajar di KKTM samada secara langsung atau tidak langsung melalui semasa proses pembelajaran.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Teknologi Hijau merujuk kepada pembangunan dan aplikasi produk, peralatan serta sistem untuk memelihara alam sekitar dan alam semulajadi dan meminimumkan atau mengurangkan kesan negatif daripada aktiviti manusia. Objektif pertama Teknologi Hijau adalah untuk mengurangkan kadar peningkatan penggunaan tenaga dalam masa yang sama meningkatkan pembangunan ekonomi. Kedua ialah untuk membantu pertumbuhan dalam industri Teknologi Hijau dan meningkatkan sumbangannya kepada ekonomi negara. Ketiga ialah untuk meningkatkan keupayaan bagi inovasi dalam pembangunan Teknologi Hijau dan meningkatkan daya saing dalam Teknologi Hijau di persada antarabangsa. Keempat ialah untuk memastikan pembangunan mapan dan memulihara alam sekitar untuk generasi akan datang; dan kelima ialah untuk meningkatkan pendidikan dan kesedaran awam terhadap Teknologi Hijau dan menggalakkan penggunaan meluas Teknologi Hijau (Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, 2011).

Matlamat kebangsaan mengenai Dasar Teknologi Hijau adalah untuk menyediakan hala tuju dan motivasi untuk rakyat Malaysia untuk terus menikmati kualiti kehidupan yang baik dan persekitaran yang sihat.

2.1.1 Matlamat jangka pendek (Rancangan Malaysia ke-10)

Kerajaan telah merangka matlamat jangka pendek dalam Rancangan Malaysia ke-10. Antara matlamat tersebut adalah seperti berikut:

- a) Kesedaran masyarakat yang lebih tinggi melalui program-program sokongan dan komitmen untuk penerimaan dan penerapan Teknologi Hijau;
- b) Ketersediaan dan pengiktirafan meluas Teknologi Hijau dari segi produk, aplikasi, peralatan dan sistem di pasaran tempatan melalui piawaian, perkadaran, pelabelan;
- c) Pelaburan Langsung Asing (Foreign Direct Investments, FDIs) dan Pelaburan Langsung Tempatan (Domestic Direct Investments, DDIs) yang lebih besar dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan Teknologi Hijau; dan
- d) Institusi-institusi penyelidikan tempatan dan institusi pengajian tinggi mengembangkan penyelidikan, pembangunan dan aktiviti inovasi mengenai Teknologi Hijau ke arah pengkomersialan menerusi mekanisme yang sesuai.

2.1.2 Matlamat jangka sederhana (Rancangan Malaysia ke-10)

Kerajaan telah merangka matlamat jangka sederhana dalam Rancangan Malaysia ke-10. Di antara matlamat tersebut adalah seperti berikut:

- a) Teknologi Hijau menjadi pilihan utama dalam memilih produk dan perkhidmatan;
- b) Teknologi Hijau mempunyai pasaran tempatan yang lebih besar berbanding dengan teknologi lain, dan menyumbang kepada penerimaan Teknologi Hijau dalam pasaran serantau;
- c) Peningkatan pengeluaran produk Teknologi Hijau tempatan;

(Dasar Teknolgi Hijau Negara, KeTTHA, 2009)

- d) Peningkatan penyelidikan dan pembangunan serta inovasi Teknologi Hijau oleh universiti tempatan dan institusi penyelidikan yang dikomersialkan melalui kerjasama dengan industri tempatan dan syarikat multinasional;
- e) Peningkatan perniagaan industri kecil sederhana tempatan dalam Teknologi Hijau ke pasaran global; dan
- f) Peningkatan aplikasi Teknologi Hijau dalam kebanyakan sektor ekonomi.

2.1.3 Matlamat jangka panjang (Rancangan Malaysia ke-12 dan tempoh seterusnya)

Kerajaan telah merangka matlamat jangka panjang dalam Rancangan Malaysia ke-10. Antara matlamat tersebut adalah seperti berikut:

- a) Penerapan Teknologi Hijau dalam budaya Malaysia;
- b) Penggunaan meluas Teknologi Hijau mengurangkan penggunaan sumber secara keseluruhan, di samping mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara;
- c) Mengurangkan secara signifikan dalam penggunaan tenaga negara;
- d) Membaiki kedudukan Malaysia dalam peningkatan persekitaran;
- e) Malaysia menjadi pengeluar utama produk Teknologi Hijau dalam pasaran global; dan
- f) Peningkatan kerjasama peringkat antarabangsa dengan universiti tempatan dan institusi penyelidikan dengan industri Teknologi Hijau.

Di peringkat negara seperti Pelan Struktur 2020 dan Pelan Struktur Melaka 2020 menjadi menjadi rancangan pembangunan mampan bagi memastikan pembangunan ekonomi dan infrastruktur bandaraya Kuala Lumpur dan Bandaraya Melaka dapat dengan kaedah penerapan Teknologi Hijau. Dalam pelan tersebut masing-masing telah menggariskan rancangan pembangunan mampan bagi memastikan pembangunan ekonomi dan infrastruktur bandaraya dapat dilaksanakan dengan mengambilkira keperluan

(Dasar Teknolgi Hijau Negara, KeTTHA, 2009)

pemuliharaan alam sekitar dan adaptasi terhadap risiko bencana bagi menjamin kesejahteraan penduduknya (Yassin, 2011).

2.2 Perbandaran hijau

Perbandaran Hijau merupakan salah satu inisiatif kementerian dalam menggabungkan kesemua sektor utama yang digariskan di bawah Dasar Teknologi Hijau Negara (DTHN). Kementerian dan Green Tech Malaysia telah bersetuju supaya Putrajaya dan Cyberjaya dijadikan projek perintis Perbandaran Hijau yang akan menjadi model kepada pembangunan bandar-bandar lain di Malaysia. Sebuah Jawatankuasa Penyelarasan Perbandaran Hijau Putrajaya dan Cyberjaya telah ditubuhkan untuk mengkaji isu-isu penyelarasan pembangunan Putrajaya dan Cyberjaya sebagai Perbandaran Hijau. Sebagai tambahan, sebuah jawatankuasa lagi telah ditubuhkan di bawah kerangka MTHPI yang dikenali sebagai Jawatankuasa Kerja Pembangunan Kejiranan Hijau yang bertanggungjawab menyelaraskan pelaksanaan perundangan, dasar-dasar, garis panduan, program, aktiviti-aktiviti serta peranan agensi-agensi yang bertanggungjawab dengan pelaksanaan Kejiranan Hijau.

2.3 Kajian Teknologi Hijau

Sektor Teknologi Hijau juga telah melaksanakan beberapa kajian untuk menterjemahkan Dasar Teknologi Hijau Negara kepada satu pelan tindakan dan pelaksanaannya. Kajian utama tersebut adalah ***Green Technology Masterplan dan Roadmap Infrastuktur Kenderaan Elektrik***.

a) Pelan induk Teknologi Hijau

Penyediaan Induk Tindakan Teknologi Hijau terbahagi kepada dua (2) peringkat di mana peringkat pertama adalah kajian halatuju (Jun 2010 - Jun 2011) dan peringkat kedua (Julai 2011 – Disember 2012) adalah bagi membentuk pelan tindakan yang terperinci.

Bagi fasa pertama, kajian halatuju tertumpu kepada enam (6) sektor yang dikenalpasti iaitu tenaga, bangunan, pengangkutan, pengurusan air dan sisa, industri pembuatan dan teknologi komunikasi maklumat. Tujuan kajian halatuju ini adalah untuk mengenalpasti kedudukan Malaysia sehingga kini dalam aplikasi Teknologi Hijau. Selain itu, fasa ini juga bertumpu kepada analisa jurang (Gaps Analysis) dan mengenalpasti kaedah bagi mengisi jurang tersebut. Kementerian melalui Malaysian GreenTech Malaysia telah melantik Frost & Sullivan Malaysia Sdn. Bhd. sebagai perunding bagi menjalankan kajian ini.

Manakala fasa kedua mendefinisikan Teknologi Hijau, *Low Carbon Economy* dan merangka untuk Pelan Tindakan Ekonomi Rendah Karbon yang akan merangkumi kesemua sektor utama ekonomi termasuk sektor pertanian dan perhutanan serta membentuk garis panduan terperinci bagi menghasilkan pelan tindakan Teknologi Hijau dalam merealisasikan DTHN.

b) Pelan jangka panjang infrastruktur kenderaan elektrik

Di bawah kajian semula Dasar Automotif Nasional (NAP), Kementerian telah dipertanggungjawabkan untuk menyediakan Pelan Jangka Panjang (roadmap) Pembangunan Infrastruktur bagi Kenderaan Elektrik. Sehubungan dengan itu, kementerian telah melantik GreenTech Malaysia untuk membantu penyediaan Roadmap Infrastruktur Kenderaan Elektrik.

GreenTech Malaysia bersama-sama jururunding yang dilantik (TNB Research - TNBR) telah mengemukakan tujuh (7) bidang utama bagi pembangunan keseluruhan peta laluan kenderaan elektrik iaitu:

- Rangka institusi (Institutional framework);
- Sumber (Resources);
- Teknologi (Technology);
- Matriks prestasi industri (Industry performance matrices);

(Dasar Teknolgi Hijau Negara, KeTTHA, 2009)

- Rantai nilai (Value chain);
- Pembangunan Pasaran dan Industry (Market & Industry development); dan
- Projek perintis (demonstration / pilot project).

Berdasarkan kepada tujuh (7) bidang utama tersebut, KeTTHA, *GreenTech Malaysia* dan *Malaysian Automotive Institute (MAI)* telah mengadakan *1st Electric Vehicle Roundtable Discussion* pada 15 Disember 2010. Tujuan program tersebut diadakan adalah bagi mengumpul maklumbalas dan input daripada *stakeholders* yang terdiri daripada wakil-wakil kerajaan/agensi berkaitan dan wakil daripada pihak industri dan pengeluar kenderaan elektrik. Hasil perbincangan tiga (3) kumpulan tersebut juga telah dijadikan input kepada pihak jururunding pelan jangka panjang infrastruktur kenderaan elektrik untuk memulakan fasa pertama penyediaan pelan jangka panjang iaitu dengan mengeluarkan sepuluh (10) asas senarai semak yang merupakan pelan strategik permulaan pelan jangka panjang infrastruktur kenderaan elektrik.

***Basic checklist* pelan strategik permulaan roadmap infrastruktur kenderaan elektrik**

- Pembentukan Jawatankuasa Pemandu Kenderaan Elektrik
- Penetapan standard alat bekalan elektrik kenderaan (socket-to-socket).
- Peraturan kepada pembekal infrastruktur kenderaan elektrik.
- Peraturan menetapkan kelayakan bagi kenderaan elektrik.
- Insentif kepada pembekal pengecas infrastruktur kenderaan elektrik.
- Insentif kepada pemilik dan pengguna kenderaan elektrik.
- Pematuhan bacaan grid, bekalan elektrik dan lain-lain.
- Projek perintis.
- Kesedaran awam dan pendidikan.
- Penyelidikan dan pembangunan ke dalam teknologi kenderaan elektrik.

(Dasar Teknolgi Hijau Negara, KeTTHA, 2009)

Fasa kedua pelan jangka panjang infrastruktur kenderaan elektrik ialah pelaksanaan projek perintis kenderaan elektrik. Kementerian bersama-sama Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah bekerjasama dengan PROTON untuk menjalankan Program *Fleet Test Vehicle* (FTV) pada tahun 2011 yang tertumpu di kawasan Putrajaya dan Cyberjaya. Keputusan pelaksanaan FTV tersebut akan membantu untuk memastikan penyediaan pelan jangka panjang infrastruktur kenderaan elektrik yang komprehensif dan boleh digunapakai di seluruh negara.

Program ini merupakan salah satu langkah ke arah mempromosi dan memperkenalkan kenderaan elektrik kepada orang awam. Fasa ketiga pelan jangka panjang infrastruktur kenderaan elektrik pula akan melibatkan penyediaan pelan jangka panjang keseluruhan kenderaan elektrik yang akan merangkumi kesemua tujuh (7) bidang utama yang telah disenaraikan di dalam rangka kerja penyediaan pelan jangka panjang tersebut. *Output* dan *outcome* yang diperoleh daripada fasa ketiga akan menentukan pelaksanaan fasa keempat keseluruhan pelan jangka panjang iaitu pembangunan infrastruktur kenderaan elektrik peringkat nasional.

Skop pelan jangka panjang infrastruktur kenderaan elektrik akan merangkumi beberapa aspek utama iaitu regulatori dan pelesenan, pembangunan kod dan piawai, pembangunan stesen caj bateri, punca tenaga, smart grid, teknologi bateri atau penukaran bateri, elektronik kuasa, sistem pemanduan elektrik, keselamatan, pembekalan kenderaan dan komponen dan penyelenggaraan selepas pembelian.

(Dasar Teknologi Hijau Negara, KeTTHA, 2009)

2.4 Kajian penyelidikan terdahulu

Menurut Harun (2005) menyatakan diantara faktor-faktor yang mempengaruhi penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar adalah pengaruh ibubapa, pengaruh rakan sebaya, pengaruh media massa, pengaruh guru sebagai peranan model dan pengaruh pengajaran guru. Dengan demikian penerapan konsep Teknologi Hijau dikalangan pelajar KKTM juga adalah berasaskan cara yang sama. Dapatan daripada kajian menunjukkan bahawa terdapat perhubungan positif yang signifikan di antara

pengaruh ibubapa, pengaruh guru sebagai peranan model, pengaruh pengajaran guru dengan penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar. Dapatan juga menunjukkan terdapat perhubungan negatif yang signifikan di antara pengaruh media massa dengan penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar. Tiada terdapat perhubungan yang signifikan di antara pengaruh rakan sebaya dengan penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan di antara jantina, bangsa dan agama dengan penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar. Walaubagaimanapun, tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar yang mempunyai jenis pekerjaan, pendapatan bulanan dan tahap pendidikan ibubapa mereka yang berlainan. Kajian ini menunjukkan bahawa pentingnya perlaksanaan pendidikan nilai merentasi kurikulum dijalankan dengan efektif, sistem peraturan sekolah yang lebih ketat, aktiviti ko-kurikulum yang berfaedah serta pembinaan pemuafakatan antara sekolah, keluarga dan komuniti dijalankan dengan lebih berkesan.

Keprihatinan tentang alam sekitar telah berkembang sejak 1960an lagi (Straughan dan Roberts 1999). Pada tahun 1970an, keprihatinan terhadap isu alam sekitar terus meningkat berikutan sebilangan inisiatif perundangan yang dibentuk untuk memperbaiki masalah alam sekitar. Walaubagaimanapun, pelbagai tragedi dan peristiwa berkait dengan alam sekitar yang berlaku pada akhir 1980an telah menjadikan isu alam sekitar sebagai tumpuan dunia sekali lagi. Salah satu peristiwa yang berlaku ialah penemuan lubang pada lapisan ozon yang melindungi bumi kita (Ottman 1992b).

Di Amerika Syarikat, semakin ramai orang yang melihat masalah alam sekitar sebagai masalah yang serius, semakin teruk dan mengancam kesejahteraan manusia (Dunlap dan Scarce 1991). Dalam satu tinjauan yang dijalankan pada tahun 1991, lebih satu per enam orang dewasa yang ditemu bual memilih alam sekitar sebagai isu paling penting yang sedang dihadapi oleh Amerika Syarikat. Walaupun ekonomi masih merupakan pilihan utama orang ramai, semakin banyak individu enggan mengorbankan kualiti alam sekitar untuk keadaan ekonomi yang lebih baik (Ottman 1992b).

Di Malaysia, kajian-kajian awal yang dijalankan di sekitar Kuala Lumpur-Petaling Jaya pada tahun-tahun 1970an dan 1980an telah menunjukkan orang ramai semakin sedar tentang kemerosotan alam sekitar tetapi mereka tidak memberikan

perhatian yang sewajarnya untuk mengurangkan masalah alam sekitar. Masyarakat awam pada masa itu masih menumpukan perhatian mereka kepada masalah yang lebih mendesak bagi mereka seperti masalah perumahan, pengangguran dan kemiskinan (Samad, 1990).

Satu lagi kajian awal yang dijalankan di Pulau Pinang juga menunjukkan hasil kajian yang hampir sama iaitu orang ramai didapati lebih mementingkan isu-isu lain seperti pendidikan, inflasi dan pengangguran berbanding isu alam sekitar (Chelliah 1983). Ini secara tidak langsung menggambarkan bahawa tahap keprihatinan orang ramai terhadap alam sekitar pada ketika itu adalah rendah. Walau bagaimanapun, sejak akhir-akhir ini keprihatinan masyarakat terhadap isu alam sekitar semakin meningkat terutama dalam kalangan pengguna bandar di Malaysia dan ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Nor dan Suriyati di Petaling Jaya dan Kuala Lumpur pada tahun 2000.

Walaupun gerakan hijau di negara membangun ketinggalan berbanding negara barat, keprihatinan alam sekitar dalam kalangan penduduknya semakin meningkat (Yam-Tang dan Chan 1998). Kesedaran alam sekitar mengkehendaki kita supaya sedar tentang cara kehidupan yang akan memberi kesan negatif kepada alam sekitar, dan cuba mengubah sikap kepada sikap baru yang ingin mengekalkan dan menggalakkan keadaan alam sekitar yang berkualiti (Soon 1988).

Menurut Roarty (1997), "pengguna hijau" boleh ditakrifkan sebagai mereka yang mengambil berat tentang alam sekitar dan berusaha untuk membeli produk yang tidak merosakkan alam sekitar. Sikap pengguna didapati mempengaruhi mereka untuk mengamalkan tingkah laku yang mementingkan keselamatan dan kesejahteraan alam sekitar.

Sikap pengguna yang positif terhadap alam sekitar menyebabkan mereka lebih cenderung untuk tidak membeli produk daripada syarikat yang mencemarkan alam sekitar dan sanggup berkorban untuk mengurangkan pencemaran. Chan dan Lau (2000) mendapati bahawa keprihatinan dan pengetahuan tentang alam sekitar (ekologi) juga mempengaruhi pengguna untuk mengamalkan tingkah laku yang mesra alam contohnya amalan membeli produk hijau.

Satu kajian tentang persepsi terhadap produk hijau dalam kalangan pengguna telah dijalankan di pantai timur Semenanjung Malaysia oleh Mohd Rafi *et al.* (2003). Kajian ini mendapati kesedaran dalam kalangan pengguna yang berpendidikan tinggi terhadap produk mesra alam masih berada pada tahap yang rendah. Majoriti responden juga tidak member keutamaan kepada produk hijau semasa membuat pembelian. Tambahan juga, majoriti responden tidak bersedia untuk membayar lebih untuk semua produk mesra alam tetapi hanya sanggup berbuat demikian untuk sesetengah produk hijau. Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya persepsi responden terhadap kebaikan produk hijau didapati positif. Hasil kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian oleh Syuhaily dan Ooi (2003) yang dijalankan di sekitar Kuala Lumpur iaitu majoriti responden mereka iaitu 72% menunjukkan sikap yang positif terhadap produk hijau.

Kajian-kajian lepas juga menunjukkan terdapat perkaitan antara angkubah demografi pengguna dengan amalan kepenggunaan hijau mereka. Straughan dan Roberts (1999) mendapati ciri-ciri responden iaitu umur, jantina dan pencapaian pendidikan mempunyai perkaitan yang signifikan dengan tingkah laku pengguna yang mesra alam. Kajian yang dijalankan oleh Laroche *et al.* (2001) pula menunjukkan faktor jantina mempengaruhi kesediaan pengguna membayar lebih untuk produk hijau. Kajian ini mendapati 57% responden wanita rela membayar lebih untuk produk hijau tetapi hanya 40% lelaki sanggup berbuat demikian.

Program kitar semula juga sebahagian daripada komponen Teknologi Hijau dimana kitar semula merupakan salah satu strategi untuk menangani risiko peningkatan sampah sarap domestik di tapak pelupusan sisa yang terdapat dinegara kita. Menurut Wee dan Mat Radzuan (2010) terdapat banyak faktor yang menyumbang kepada tingkah laku masyarakat dalam pelaksanaan program kitar semula antaranya ialah faktor tingkah laku dan faktor penglibatan masyarakat dengan program kitar semula. Hasil kajian Wee dan Mat Radzuan juga mendapati responden berpandangan kitar semula merupakan amalan yang baik dan perlu dipraktikkan sepanjang masa.

Penggunaan Teknologi Hijau dalam industri pembinaan telah menjadi suatu keutamaan serta diberi perhatian oleh kerajaan dengan penubuhan Pelan Induk Industri Pembinaan (2005-2010). Menurut Mohamad Kamar *et al.* (2010) sekitar 30-40% dari

jumlah sumber asli di negara – negara perindustrian digunakan untuk industri binaan., manakala Sev (2011) pula menyatakan industri pembinaan penyumbang terbesar kepada perubahan iklim dunia dimana ia menggunakan 17% air bersih, 25% penebangan pokok serta 40% penggunaan bahan serta tenaga. Walaupun sektor pembinaan merupakan pemangkin kepada ekonomi negara namun pada masa yang sama kita terdedah kepada kesan daripada industri ini.

Namun begitu, penggunaan Teknologi Hijau dalam pembinaan dengan penggunaan bahan Teknologi Hijau seperti teknologi IBS telah mendapat tempat dimana penggunaan komponen IBS seperti kekuda keluli untuk bumbung dapat menggantikan penggunaan kayu, blok konkrit ringan atau panel dinding bagi pembinaan rumah kediaman atau projek komersial.

Di samping itu, penggunaan bahan binaan hijau sepatutnya menjadi pilihan utama pengguna samada orang perseorangan ataupun pihak agensi yang terlibat dalam industri binaan. Mengikut Hamzani (2008) menyenaraikan bahan binaan hijau mempunyai sifat tidak beracun, tahan kepada perubahan cuaca, penyelenggaraan yang rendah serta selesa menggunakannya.

Aplikasi penggunaan Teknologi Hijau juga meliputi dalam bidang kecekapan tenaga dalam bangunan terutamanya penjimatan penggunaan elektrik. Menurut Ramatha (1994) dalam Cheng (2010) menyatakan pada tahun 2002, rumah kediaman menggunakan 44% tenaga elektrik daripada jumlah keseluruhan penggunaan tenaga manakala sektor komersial pula mencatatkan penggunaan 75% tenaga elektrik daripada jumlah keseluruhan tenaga manakala Zain Ahmad, (2008) menyatakan lebih 40% jumlah tenaga elektrik dapat dikurangkan jika kecekapan tenaga diamalkan seperti penggunaan Teknologi Hijau yang mesra alam.

2.5 Rumusan

Berdasarkan hasil kajian yang lepas, adalah perlu kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti sejauhmanakah penerapan konsep Teknologi Hijau dalam pengajaran dan pembelajaran di KKTM. Secara keseluruhannya, kajian literatur ini dapat membantu pengkaji mendapatkan gambaran dan idea dalam kajian yang akan dibuat. Seterusnya, dalam Bab 3 pula membincangkan metodologi yang akan digunakan untuk melakukan kajian ini.

Hak Milik MARA

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN


3.1 Pengenalan

Di dalam bab ini, pengkaji memberi tumpuan kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan kaedah kajian, populasi dan sampel kajian, tempat kajian, instrumen, kerangka kerja operasi, kaedah analisis data, andaian dan jangkaan dapatan. Perkara-perkara ini amat perlu dititikberatkan kerana hasil daripada maklumat kajian ini akan dianalisis dalam bab lima iaitu dapatan kajian untuk menjawab persoalan-persoalan kajian yang dikemukakan.

3.2 Reka bentuk kajian

Rekabentuk kajian bertujuan untuk mencari maklumat dan mengawal pembolehubah – pembolehubah yang berkaitan dengan penyelidikan dimana memilih rekabentuk kajian yang berkesan bergantung kepada objektif sesuatu kajian (Yusof, 2003). Kajian yang telah dijalankan adalah berbentuk kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan bagi mengetahui tahap penerapan konsep Teknologi Hijau dalam kalangan pelajar. Cohen dan Manion (Najib, 2003) menyatakan tinjauan ialah mengambil data dalam satu masa tertentu sahaja. Kaedah tinjauan berpotensi besar dalam mendapatkan banyak

3.3 Kerangka kerja operasi



Rajah 3.2: Carta alir kerangka kerja operasi.

maklumat daripada sekumpulan sampel individu. Kaedah ini juga bertujuan menggambarkan persepsi sesuatu populasi tersebut dan sesuai bagi menjalankan kajian ini dalam masa yang terhad. Maklumat kajian diperolehi melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada responden.

3.4 Populasi dan sampel kajian

Populasi dan sampel kajian adalah konsep yang penting dan perlu dirangka dengan baik dalam memungut data. Sampel kajian dilakukan dengan memilih sebahagian daripada populasi yang telah dikenalpasti bagi membuat kesimpulan berkaitan keseluruhan populasi dalam menjalankan sesuatu kajian (Yusof, 2003). Dalam kajian ini, populasi meliputi semua pelajar semester 2,4 dan 6 yang mengikuti kesemua program Diploma Teknologi Pembinaan di KKTM Sri Gading berjumlah 209 orang, manakala bilangan sampel pula keseluruhan pelajar semester 2 dan 4 seperti yang tertera dalam Jadual 3.1 iaitu seramai 137 orang. Merujuk kepada jadual Krejcie dan Morgan (1970) adalah memadai sekiranya responden mencapai 136 orang untuk populasi seramai 210. Jadual Krejcie dan Morgan adalah seperti **LAMPIRAN A**.

Jadual 3.1 : Sampel kajian

Program					Jumlah
Geo - Struktur	Turapan Jalan Raya	Forensik	Forensik	Sistem Termaju	
24	28	32	32	21	137

3.5 Lokasi kajian

Kajian ini dijalankan di KKTM Sri Gading Batu Pahat Johor. Rasionalnya kajian ini dijalankan di institusi PTV ini kerana ianya merupakan satu satunya KKTM yang kesemua program diploma yang ditawarkan adalah dalam bidang Teknologi Pembinaan yang mempunyai hubungan dengan aspek penerapan Teknologi Hijau. Selain daripada itu, penyelidik juga telah membataskan kajian ini kepada pelajar semester 2 dan 4 sahaja untuk semua program diploma teknologi pembinaan.

3.6 Instrumen kajian

Pengkaji menggunakan soal selidik sebagai instrumen atau alat mengumpul data dalam kajian yang dijalankan. Menurut Uma Sekaran (2000), soal selidik merupakan mekanisme pengumpulan data yang efisien apabila pengkaji benar-benar mengetahui apa yang diperlukan daripada kajian yang dijalankan. Borang soal selidik sesuai digunakan bagi kajian yang melibatkan responden yang ramai dan data dapat membantu responden mendapatkan gambaran tentang maklumat yang diperlukan.

Menurut Wiersma (1995) lebih banyak data dapat diperoleh daripada responden dalam jangka masa yang singkat dengan menggunakan borang soal selidik. Jawapan yang diperolehi juga lebih konsisten apabila dibandingkan dengan pengumpulan data melalui kaedah pemerhatian. Selain itu, kaedah ini dipilih kerana setiap responden akan disoal dengan soalan yang sama dan mengikut urutan yang sama. Soal selidik yang sekata akan mempercepatkan kerja pengumpulan data serta data yang diperolehi lebih mudah diproses. Borang Soal Selidik dibahagikan kepada 3 bahagian seperti tertera dalam Jadual 3.2 serta di **LAMPIRAN B**.

Jadual 3.2: Bahagian soalan soal selidik

Bahagian	Soalan
A	Demografi
B	Kesedian pelajar terhadap penerapan konsep Teknologi Hijau dalam P&P di KKTM
C	Keberkesanan proses P&P terhadap penerapan konsep Teknologi Hijau di KKTM

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan skala Likert. Menurut Majid (2000), kaedah skala Likert sesuai digunakan dalam kajian ini kerana ia merupakan satu inventori sikap yang melibatkan perasaan individu terhadap sesuatu idea, prosedur dan institusi sosial.

Jadual 3.3 : Pemberatan skala Likert (Mohd Majid,2000)

Maklum balas	Likert
Sangat Setuju (SS)	5
Setuju (S)	4
Tidak Pasti (TP)	3
Tidak Setuju (TS)	2
Sangat Tidak Setuju (STS)	1

3.7 Kesahan

Pengkaji melakukan kesahan sebelum kajian rintis dijalankan. Menurut Marican (2005), kesahan digunakan untuk mengukur ketepatan sesuatu ukuran yang digunakan dalam kajian. Selain itu, kesahan juga dijalankan bagi menilai kesesuaian bahasa dan ayat yang digunakan dalam borang soal selidik yang dihasilkan. Sebelum soal selidik diedarkan, pengkaji telah merujuk kesahan kepada pakar yang terdiri dari pensyarah dari Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar UTHM serta pegawai dari Jabatan Alam Sekitar, Putrajaya bagi menyemak dan menilai kesesuaian isi dan kandungan soal selidik tersebut. Penyelia juga telah menyemak item – item yang terkandung dalam borang soal selidik bagi memastikan kesahan instrumen kajian berada pada tahap yang memuaskan. Borang soal selidik yang telah dibangunkan disemak dan disahkan oleh pensyarah penyelia dan pakar disertakan dalam **LAMPIRAN C**.

3.8 Pentadbiran soal selidik

Kajian sebenar hanya dijalankan setelah mendapat surat kelulusan dari pihak Bahagian Kemahiran dan Teknikal MARA dan disokong dengan surat kebenaran menjalankan kajian akademik dari Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, UTHM. Kedua – dua surat kebenaran ini disertakan seperti di **LAMPIRAN D1** dan **LAMPIRAN D2**.

3.9 Kajian rintis

Kajian rintis dijalankan untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik yang pertama kali diedarkan agar keputusan dalam kajian sebenar lebih konsisten (Bordens dan Abbott, 2002). Kajian rintis perlu dilakukan bagi memastikan item-item dalam borang soal selidik mencapai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi.

Pengkaji menjalankan kajian rintis terhadap 20 orang responden yang terdiri pelajar – pelajar yang mengikuti program Diploma Teknologi Kejuruteraan Awam dari KKTM Pasir Mas yang dipilih secara rawak. Kajian rintis dijalankan di KKTM Pasir Mas kerana program yang ditawarkan adalah hampir sama dengan kajian sebenar. Dua puluh set soalan selidik tersebut dikumpulkan dan dianalisis untuk mendapatkan nilai kebolehpercayaan (*reliability*) yang diwakili oleh skor *alpha cronbach*.

Analisis dibuat untuk melihat kebolehpercayaan alat ukur kajian dengan menggunakan perisian SPSS Versi 20.0. Skor *alpha cronbach* yang melebihi 0.6 dan menghampiri skor 1.0 dianggap sebagai skor pekali yang tinggi dan soalan tersebut boleh digunakan untuk meneruskan kajian. Jika sebaliknya skor *alpha cronbach* yang diperolehi kurang dari 0.6 sehingga 0, maka ia adalah tidak sah dan kebolehpercayaan item yang dibina adalah rendah dan perlu dirombak semula.

Menerusi kajian rintis ini, nilai *alpha cronbach* yang diperolehi adalah melebihi 0.6 iaitu 0.932. Ini menunjukkan item – item yang digunakan dalam borang soal selidik telah mencapai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi sepertimana dinyatakan oleh Chua (2008) jika nilai *alpha cronbach* diantara 0.6 hingga 0.95 maka kesahan dan kebolehpercayaan item adalah tinggi. Oleh itu, borang soal selidik yang telah dibina boleh digunakan sebagai instrumen kajian. Hasil kajian rintis yang diperolehi adalah seperti di LAMPIRAN E.

3.10 Pemboleh ubah kajian

Dalam kajian ini terdapat dua jenis pemboleh ubah yang digunakan iaitu pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar. Pemboleh ubah bersandar merujuk

kepada tahap kesediaan pelajar dan keberkesanan proses P&P manakala pemboleh ubah tidak bersandar pula ialah penerapan konsep Teknologi Hijau.

3.11 Pengumpulan data

Penyelidik telah melantik wakil pengajar setiap program dimana penyelidik memberikan arahan yang jelas kepada setiap wakil tersebut. Kaedah ini sesuai dijalankan kerana ia dapat mengembalikan instrumen kajian yang tinggi sepertimana yang diharapkan. Disamping itu, penyelidik juga memberikan tempoh masa bagi setiap wakil untuk mengembalikan soal selidik yang telah diedarkan.

3.12 Analisis data

Data – data yang diperolehi daripada hasil soal selidik dianalisis menggunakan perisian *Statistic Package for The Social Science Version 20.0 (SPSS v 20.0)*. Analisis dilakukan dalam dua bentuk iaitu analisis statistik deskriptif dan analisis statistik inferensi. Menurut Najib (2003), ujian statistik deskriptif digunakan untuk menerangkan tentang pola sampel seperti taburan kekerapan, min, median dan mod. Analisis statistik deskriptif telah digunakan untuk mendapatkan min dan sisihan piawai manakala analisis statistik inferensi digunakan untuk menganalisis perhubungan antara pemboleh ubah bagi memenuhi objektif yang ditetapkan.

Di dalam kajian ini, penyelidik menggunakan statistik deskriptif untuk menjawab persoalan kajian pertama dan kedua dimana soalan dianalisis menggunakan kaedah skor min yang memberikan keputusan rendah, sederhana atau tinggi sepertimana yang diperolehi dari Wiersma (1995) dan ditunjukkan di dalam Jadual 3.4. Statistik inferensi iaitu kaedah korelasi Pearson bagi menjawab persoalan kajian ketiga manakala ujian- t untuk menguji hipotesis samada diterima atau ditolak. Nilai bagi pekali korelasi, R digunakan untuk melihat kekuatan hubungan di antara dua pemboleh ubah. Jadual 3.5 menginterpretasikan hubungan iaitu korelasi sesuatu hubungan itu tinggi atau rendah oleh *Guilford 's Rules of Thumbs* (Zulkarnain dan Hishamuddin, 2001). Jadual 3.6 menunjukkan kaedah analisis data yang dilakukan bagi menjawab persoalan kajian.

Jadual 3.4 : Tahap skor min (Weirsma,1995)

Min	Tahap
1.00 – 2.49	Rendah
2.50 – 3.49	Sederhana
3.50 – 5.00	Tinggi

Jadual 3.5 : Guilford 's Rules of Thumbs

Nilai Pekali Korelasi (R)	Interpretasi
Kurang dari 0.2	Hubungan yang sangat lemah
0.20 – 0.40	Korelasi rendah
0.40 – 0.70	Korelasi sederhana
0.70 – 0.90	Korelasi tinggi
0.90 – 1.0	Korelasi yang sangat tinggi

Sumber : (Zulkarnain dan Hishamuddin,2001)

Jadual 3.6 : Kaedah penganalisaan data

Bil	Perkara	Kaedah Analisis Data
1	Maklumat latar belakang responden	Frekuensi (Peratus)
2	Sejauh manakah tahap kesediaan pelajar terhadap penerapan konsep Teknologi Hijau menerusi proses pengajaran dan pembelajaran ?	Skor Min
3	Sejauh manakah keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran terhadap penerapan konsep Teknologi Hijau dalam kalangan pelajar?	Skor Min
4	Sejauh manakah terdapatnya hubungan di antara tahap kesediaan pelajar dan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran terhadap penerapan Konsep Teknologi Hijau menerusi proses pengajaran dan pembelajaran?	Korelasi Pearson
5	Hipotesis	Ujian -t

3.13 Rumusan

Dalam bab ini menerangkan bagaimana kajian dijalankan berdasarkan kaedah yang telah dibincangkan. Kajian ini merupakan satu bentuk kajian tinjauan bagi mengenalpasti tahap penerapan konsep Teknologi Hijau dalam kalangan pelajarr KKTMSG. Data – data yang diperolehi dari soal selidik dianalisis menggunakan perisian *SPSS* versi 20.0. Hasil kajian seterusnya dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan analisis statistik inferensi.

Hak Milik MARA

BAB 4

ANALISIS DATA

4.1 Pengenalan

Hasil dapatan daripada kajian yang dijalankan dibincangkan di dalam Bab ini. Segala maklumat yang diperolehi adalah berdasarkan maklum balas responden melalui edaran borang soal selidik. Pengkaji menterjemahkan hasil dapatan daripada analisis data dengan menggunakan Perisian *SPSS* versi 20.0 bagi menjawab persoalan kajian seperti yang digariskan dalam Bab 1. Huraian ini dikemukakan dalam bentuk analisis deskriptif iaitu peratusan, kekerapan dan nilai min serta statistik inferensi iaitu korelasi pearson dan ujian - t.

4.2 Latar belakang responden

Responden dalam kajian ini adalah seramai seratus tiga puluh tujuh (137) yang terdiri daripada pelajar – pelajar semester 2 dan 4 KKTm Sri Gading. Latar belakang responden yang dikaji oleh penyelidik adalah melibatkan jantina pelajar dan program yang diikuti.

4.2.1 Jantina

Berdasarkan data yang diperolehi untuk jantina pelajar daripada keseluruhan responden, seramai 92 (67.2 %) orang merupakan pelajar lelaki manakala seramai 45 orang (32.8%) pelajar perempuan yang mengikuti lima program diploma teknologi pembinaan di

KKTM Sri Gading yang berada di semester 2 dan 4 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.1.

Jadual 4.1: Sampel kajian mengikut taburan jantina

Jantina	Frekuensi	Peratus
Lelaki	92	67.2
Perempuan	45	32.8
Jumlah	137	100.0

4.2.2 Program

Jadual 4.2 menunjukkan jumlah pelajar yang mengikuti program di KKTM Sri Gading dimana seramai 24 pelajar (17.5 %) mengikuti program Diploma Teknologi Pembinaan (Geo -Struktur), 28 pelajar (20.4 %) mengikuti program Diploma Teknologi Pembinaan (Turapan Jalan Raya), 32 pelajar (23.4 %) mengikuti program Diploma Teknologi Pembinaan (Forensik Bangunan), 32 pelajar (23.4%) mengikuti program Diploma Teknologi Pembinaan (Penyelenggaraan Bangunan) dan seramai 21 pelajar (15.3 %) mengikuti program Diploma Teknologi Pembinaan (Sistem Termaju).

Jadual 4.2: Taburan pelajar mengikut Program

Program					Jumlah
Geo - Struktur	Turapan Jalan Raya	Forensik	Perkhidmatan Bangunan	Sistem Termaju	
24	28	32	32	21	137

4.3 Dapatan kajian

Maklumat yang diperolehi daripada data yang telah analisis adalah bertujuan untuk menjawab persoalan kajian berikut :

- Sejauh manakah tahap kesediaan pelajar terhadap penerapan konsep Teknologi Hijau menerusi proses pengajaran dan pembelajaran ?

- b) Sejauh manakah keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran terhadap penerapan konsep Teknologi Hijau dalam kalangan pelajar?
- c) Sejauh manakah terdapatnya hubungan di antara tahap kesediaan pelajar dan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran terhadap penerapan Konsep Teknologi Hijau menerusi proses pengajaran dan pembelajaran?

4.3.1 Persembahan dan analisis data persoalan kajian pertama

Berikut dikemukakan dapatan kajian yang diperoleh daripada instrumen soal selidik. Beberapa dapatan kajian tersebut adalah khusus untuk menjawab soalan kajian pertama:

- a) Sejauh manakah tahap kesediaan pelajar terhadap penerapan konsep Teknologi Hijau menerusi proses pengajaran dan pembelajaran?

Bagi menjawab soalan kajian pertama, data daripada instrumen soal selidik telah dianalisis secara statistik deskriptif untuk mendapat nilai min dan sisihan piawai seperti yang dipersembahkan di dalam Jadual 4.3 di atas dimana tahap kesediaan pelajar dalam penerapan konsep Teknologi Hijau adalah pada tahap tinggi dengan nilai min secara keseluruhan iaitu 3.84 ($sd = 0.533$). Item yang mencatatkan skor min yang tertinggi adalah amalan kebersihan diterapkan kepada pelajar iaitu 4.26 ($sd = 0.816$) manakala item yang mencatatkan skor min terendah ialah bahan latihan mencukupi untuk menjalankan amali yang berkaitan dengan konsep Teknologi Hijau dengan min 3.34 ($sd = 1.018$).

Jadual 4.3: Statistik deskriptif bagi tahap kesediaan pelajar terhadap penerapan konsep Teknologi Hijau menerusi proses pengajaran dan pembelajaran

Item Soal Selidik	Min	Sisihan Piawai	Aras
Saya mula mengetahui konsep Teknologi Hijau melalui akhbar/majalah/media.	3.75	.735	Tinggi
Saya mula menyedari keperluan konsep Teknologi Hijau menerusi aktiviti pengajaran dan pembelajaran (P&P).	3.95	.807	Tinggi
Saya setuju elemen Teknologi Hijau diterapkan dalam P&P.	4.08	.849	Tinggi
Saya bersedia untuk menerapkan konsep Teknologi Hijau dalam teori dan amali /projek.	3.85	.938	Tinggi
Amalan kebersihan diterapkan kepada pelajar.	4.26	.816	Tinggi
Amalan kitar semula diterapkan dalam KKTM.	3.96	1.159	Tinggi
Saya memahami pengurangan penggunaan tenaga elektrik membantu mengurangkan pelepasan gas rumah hijau.	3.96	.911	Tinggi
Saya bersedia untuk menerapkan konsep Teknologi Hijau dalam kursus <i>Project Technology</i> .	3.86	1.030	Tinggi
Bahan latihan mencukupi untuk menjalankan amali yang berkaitan dengan konsep Teknologi Hijau.	3.34	1.018	Sederhana
Alatan yang bersesuaian disediakan untuk menjalankan amali berkaitan dengan konsep Teknologi Hijau.	3.55	1.021	Tinggi
Buku dan jurnal berkaitan Teknologi Hijau disediakan diperpustakaan KKTM.	3.67	1.079	Tinggi
Min Keseluruhan	3.8407	.53258	Tinggi

4.3.2 Persembahan dan analisis data persoalan kajian kedua

Berikut dikemukakan dapatan kajian yang diperoleh daripada instrumen soal selidik. Beberapa dapatan kajian tersebut adalah khusus untuk menjawab soalan kajian kedua iaitu:

- b) Sejauh manakah keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran terhadap penerapan konsep Teknologi Hijau dalam kalangan pelajar?

Bagi menjawab soalan kajian kedua, data daripada instrumen soal selidik telah dianalisis secara statistik deskriptif untuk mendapat nilai min dan sisihan piawai seperti yang di persembahkan di dalam Jadual 4.4.

Jadual 4.4: Statistik deskriptif bagi tahap keberkesanan pelajar terhadap penerapan konsep Teknologi Hijau menerusi proses pengajaran dan pembelajaran

Item Soal Selidik	Min	Sisihan Piawai	Aras
Kaedah P&P yang digunakan bagi penerapan konsep Teknologi Hijau ialah secara kuliah, amali dan lawatan	3.99	.951	Tinggi
Kaedah penilaian kerja kursus penerapan konsep Teknologi Hijau melalui kuiz, ujian, laporan, projek dan lawatan akademik	3.46	.978	Sederhana
Pengajar menekankan aspek kebersihan semasa amali di bengkel dan projek di luar bengkel	4.08	.728	Tinggi
Saya sentiasa mengambil berat tentang kebersihan di asrama/bilik kuliah dan di bengkel	4.20	.787	Tinggi
KKTM menghadkan kenderaan awam memasuki kampus untuk mengurangkan pelepasan karbon monoksida.	2.93	1.229	Sederhana
Kilang yang berdekatan KKTM penyumbang kepada pencemaran udara.	4.58	.735	Tinggi
Penanaman pokok dalam kawasan KKTM membantu kempen Bumi Hijau.	4.55	.706	Tinggi

Jadual 4.4: (sambungan)

Penerapan konsep teknologi lebih berkesan dilaksanakan secara <i>project based</i> .	3.75	.889	Tinggi
Pengunaan bahan binaan Teknologi Hijau perlu diperluaskan .	4.28	.747	Tinggi
Saya berusaha menjalani latihan amali di firma yang mengamalkan Teknologi Hijau.	3.64	1.049	Tinggi
Saya bercita – cita menjadi usahawan/kontraktor Teknologi Hijau.	3.96	.966	Tinggi
Lawatan akademik ke industri/pameran yang berkaitan dengan Teknologi Hijau menambah kefahaman saya.	4.47	.805	Tinggi
Min Keseluruhan	3.9921	.46976	Tinggi

Jadual 4.4 menunjukkan tahap keberkesanan pelajar terhadap penerapan konsep Teknologi Hijau menerusi proses P&P pelajar-pelajar KKTM Sri Gading Batu Pahat . Purata min keseluruhan tahap keberkesanan ialah 3.99 (sd = 0.46979). Item yang mencatatkan skor min yang tertinggi adalah kilang yang berdekatan KKTM penyumbang kepada pencemaran udara iaitu 4.58 (sd =0.735) manakala item yang mencatatkan skor min terendah ialah KKTM menghadkan kenderaan awam memasuki kampus untuk mengurangkan pelepasan karbon dioksida, dengan min 2.93 (sd = 1.229)

4.3.3 Persembahan dan analisis data persoalan kajian ketiga

Berikut dikemukakan dapatan kajian yang diperoleh daripada instrumen soal selidik bagi soalan kajian ketiga ialah:

- c) Sejauh manakah terdapatnya hubungan di antara tahap kesediaan pelajar dan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran terhadap penerapan Konsep Teknologi Hijau menerusi proses pengajaran dan pembelajaran?

Jadual 4.5: Korelasi di antara tahap kesediaan pelajar dan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran terhadap penerapan konsep Teknologi Hijau menerusi proses pengajaran dan pembelajaran

		Minskor Kesediaan	Minskor Keberkesanan
Minskor Kesediaan	Korelasi Pearson	1	.577**
	Sig. (2-tailed)		.000
	N	137	137
Minskor Keberkesanan	Korelasi Pearson	.577**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	
	N	137	137

** . Korelasi adalah Signifikan pada Aras 0.01 (2-tailed).

Bagi menjawab soalan kajian ketiga, data daripada instrumen soal selidik telah dianalisis secara statistik deskriptif untuk mendapat nilai min hubungan di antara tahap kesediaan dan tahap keberkesanan terhadap penerapan konsep Teknologi Hijau dalam kalangan pelajar-pelajar KKTm Sri Gading. Hasil analisis data korelasi pearson didapati nilai korelasi signifikan ialah 0.000 pada nilai 0.577 bagi kedua-dua elemen yang dihubungkan itu. Dengan kenyataan dari hasil kajian didapati adanya hubungkait di antara tahap kesediaan dan tahap keberkesanan penerapan konsep Teknologi Hijau di kalangan pelajar-pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

4.3.4 Persempahan dan analisis data hipotesis null

Jadual 4.6: Ujian-t bebas bagi menentukan hipotesis null

		Varians Persamaan untuk ujian Levene		Min Persamaan untuk ujian-t		
		F	Sig.	t	df	Sig. (2-tailed)
Minskor Kesediaan	Anggapan Persamaan Varians	.050	.824	-.926	135	.356
	Anggapan Tidak Persamaan Varians			-.948	92.959	.346
Minskor Keberkesanan	Anggapan Persamaan Varians	.480	.490	-2.682	135	.008
	Anggapan Tidak Persamaan Varians			-2.833	101.127	.006

Hasil dari analisis data didapati hipotesis kajian seperti berikut;

Hipotesis Null : Hasil kajian menunjukkan tiada wujudnya perbezaan yang signifikan diantara kedua – dua min tahap kesediaan pelajar dan keberkesanan proses P&P terhadap penerapan konsep Teknologi Hijau menerusi proses pengajaran dan pembelajaran di KKTm.

Data yang diproses secara ujian-t bebas dimana kedua-dua pembolehubah bersandar iaitu tahap kesediaan pelajar dan tahap keberkesanan proses P&P terhadap penerapan konsep Teknologi Hijau semasa proses pengajaran dan pembelajaran adalah seperti dipaparkan melalui Jadual 4.6. Dari bacaan bagi min keseluruhan tahap kesediaan bacaan Ujian-t (df =135) ialah 0.926 pada signifikannya ialah 0.345 pada baris anggapan persamaan varian dan 0.346 pada baris anggapan tidak persamaan varians. Dengan melihat kepada kedua-dua nilai tersebut adalah lebih daripada aras kesignifikan pada $\alpha = 0.05$ maka H_0 tidak dapat ditolak dengan kenyataan hasil kajian didapati tidak terdapatnya perbezaan di antara tahap kesediaan dan tahap keberkesanan penerapan konsep Teknologi Hijau di kalangan pelajar-pelajar KKTm Sri Gading semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

4.4 Rumusan

Secara keseluruhannya menerusi Bab Empat ini, soalan kajian pertama, kedua, dan ketiga telah dijawab manakala penentuan berkaitan keputusan hipotesis null telah pun diputuskan.

Kajian yang dijalankan telah membuktikan bahawa penerapan konsep Teknologi Hijau dalam proses pengajaran dan pembelajaran di kalangan pelajar-pelajar KKTm Sri Gading adalah sangat diperlukan dalam abad terkini untuk melahirkan insan yang cemerlang dalam menjaga kehijauan alam semula jadi bagi menghasilkan suasana alam yang bersih dan nyaman. Segala dapatan dalam bab ini seperti di **LAMPIRAN F**.

BAB 5

PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab ini merumuskan kajian dan mempersembahkan kesimpulan berdasarkan dapatan kajian yang telah dijalankan. Rumusan kajian adalah mengikut soalan dan hipotesis kajian yang telah ditetapkan. Bab ini juga mengemukakan cadangan berdasarkan dapatan kajian dan cadangan untuk kajian lanjutan.

5.2 Perbincangan

Perbincangan dibuat berdasarkan kepada maklum balas yang diperolehi dari responden tentang pendapat mereka terhadap penerapan konsep Teknologi Hijau menerusi proses P&P di Kolej Kemahiran Tinggi MARA Sri Gading. Perbincangan dipecahkan mengikut persoalan kajian iaitu persoalan kajian pertama ialah mengenal pasti tahap kesediaan pelajar terhadap penerapan konsep Teknologi Hijau semasa proses pengajaran dan pembelajaran, persoalan yang kedua adalah mengenal pasti tahap keberkesanan proses P&P terhadap penerapan konsep Teknologi Hijau di KKTM Sri Gading manakala persoalan yang ketiga pula untuk mengenal pasti sama ada terdapatnya hubungan yang signifikan di antara min keseluruhan tahap kesediaan dan min keseluruhan tahap keberkesanan pelajar-pelajar dalam penerapan konsep Teknologi Hijau semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Penganalisisan hipotesis null pula adalah dari hasil kajian

ini sama ada terdapat perbezaan di antara min keseluruhan tahap kesediaan pelajar dengan min keseluruhan tahap keberkesanan pelajar dalam penerapan konsep Teknologi Hijau semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Seterusnya pengkaji dapat menghasilkan dapatan kajian berdasarkan persoalan-persoalan kajian tersebut. Dapatan kajian tersebut ditafsir secara ulasan dan penjelasan yang dikaitkan dengan fakta-fakta hasil dapatan kajian pengkaji lain.

5.3.1 Sejauh mana tahap kesediaan pelajar dalam penerapan konsep Teknologi Hijau semasa proses pengajaran dan pembelajaran di Kolej Kemahiran Tinggi MARA Sri Gading?

Dapatan persoalan kajian pertama yang telah dijalankan ialah berkaitan dengan tahap kesediaan konsep Teknologi Hijau yang dapat diterapkan melalui proses P&P di Kolej Kemahiran Tinggi MARA Sri Gading. Bagi menjawab soalan kajian pertama, data daripada instrumen soal selidik telah dianalisis secara statistik deskriptif untuk mendapat nilai min dan sisihan piawai seperti yang dipersembahkan di dalam Jadual 4.3 menunjukkan tahap kesediaan pelajar dalam penerapan konsep Teknologi Hijau adalah pada tahap tinggi dengan nilai $\text{min} = 3.84$ dan $\text{sd} = 0.533$.

Secara amnya, penerapan pengetahuan dan kemahiran Teknologi Hijau di kalangan pelajar KKTm Sri Gading adalah amat penting kerana Teknologi Hijau merupakan satu teknologi yang mesra alam merupakan teknologi yang rendah karbon bagi mengurangkan pelepasan gas karbon ke udara yang menyebabkan antara lainnya fenomena perubahan cuaca dunia. Antara kesan-kesan fenomena perubahan cuaca dunia yang kita rasai pada masa kini ialah cuaca yang melampau seperti keadaan cuaca panas yang sedang kita hadapi pada masa ini. Selain itu, kejadian bencana alam seperti ribut taufan, kecairan ais di Kutub Utara dan Selatan, kenaikan paras dan suhu air laut, kepupusan spesis flora dan fauna dan sebagainya juga merupakan kesan-kesan fenomena perubahan cuaca dunia yang prominen pada masa sekarang. Oleh yang demikian, mitigasi fenomena perubahan cuaca dunia telah menjadi keutamaan dalam masyarakat dunia pada masa kini. Proses perubahan cuaca global sememangnya tidak dapat dihalang. Walau bagaimanapun, usaha-usaha boleh dilakukan untuk melambatkan

proses ini. Oleh yang demikian, aplikasi Teknologi Hijau merupakan salah satu langkah yang diambil bagi melambatkan proses perubahan cuaca dunia.

Sehubungan itu, aplikasi teknologi dan amalan hijau seperti penggunaan alat-alat elektrik cekap tenaga, penggunaan kenderaan awam atau bahan api alternatif, penjimatan penggunaan air merupakan antara perkara-perkara yang boleh dipupuk dalam penerapan konsep Teknologi Hijau semasa mereka berada di KKTM. Walaupun amalan-amalan hijau bukan merupakan satu kebiasaan pada sebahagian daripada pelajar-pelajar KKTM pada masa kini, mereka perlu mengubah minda mereka bagi memastikan mereka masih akan dapat menikmati kehidupan yang mereka nikmati pada hari ini dalam jangka masa panjang. Mereka juga harus sedar bahawa pilihan-pilihan yang dibuat oleh mereka pada hari ini akan menentukan masa depan yang akan dilalui oleh anak-anak mereka di masa akan datang. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar KKTM perlu mendekati amalan-amalan hijau seperti mengitar semula sampah, menggunakan peralatan cekap tenaga, mengamalkan penjimatan tenaga dan air dan sebagainya.

Penerapan amalan kitar semula menunjukkan skor min 3.96 berada pada tahap tinggi. Dapatan kajian ini bertepatan dengan hasil dapatan Gurder Adams dan Burca *et.al* (1994) dalam Seow dan Mat Radzuan (2010) yang mendapati komuniti yang lebih berminat menjalankan aktiviti kitar semula akan menghasilkan lebih banyak sampah yang boleh dikitar semula berbanding dengan komuniti yang kurang minat aktiviti kitar semula.

Penjimatan penggunaan tenaga elektrik membantu mengurangkan pelepasan gas rumah hijau menunjukkan skor min 3.96. Pengurangan penggunaan elektik dapat dilakukan dengan menutup kipas, lampu atau alat hawa dingin bila tiada pelajar menggunakan bilik kuliah, bengkel ataupun bilik pelajar di asrama. Ini selari dengan kenyataan Hasan (2010) bahawa negara kita menggunakan tenaga perkapita tertinggi di kalangan negara ASEAN serta penemuan menunjukkan bahawa peratusan yang disumbang oleh bangunan terhadap Gas Rumah Hijau (GHG) sebanyak 41% dimana menggambarkan sektor bangunan merupakan penyumbang utama kesan rumah hijau dunia. Oleh itu, penerapan amalan kitar semula, penjimatan tenaga elektrik serta aktiviti yang berkaitan dengan kitar semula seharusnya dipupuk dan diterapkan sepanjang masa

samada melalui proses P&P ataupun aktiviti kelab ataupun melalui program – program tertentu.

Kesediaan pelajar untuk menerapkan konsep Teknologi Hijau dalam amali dan projek dapat dilihat dengan skor min 3.85 dimana ia didorong oleh motivasi pelajar untuk bersedia dalam kursus yang akan diikuti. Ini bersesuaian dengan kenyataan Bandura (1997) yang menyatakan pelajar akan lebih bersemangat atau termotivasi apabila mereka mempercayai hasil pembelajaran adalah di bawah kawalan mereka sendiri.

Dari segi bahan latihan yang disediakan untuk menjalankan amali berkonsepkan Teknologi Hijau, dapatan kajian menunjukkan pada tahap sederhana. Ini menunjukkan pihak pengurusan perlu peka terhadap persiapan bahan latihan agar sentiasa mencukupi bagi memastikan proses P&P berjalan lancar. Dalam aspek peralatan yang bersesuaian yang disediakan bagi menjalankan amali berkonsepkan Teknologi Hijau, hasil dapatan menunjukkan pada tahap tinggi. Dapatan kajian ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Sidek. (2007) untuk melihat tahap kesediaan pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara *hands – on* di UTHM. Hasil dapatan beliau mendapati pelaksanaan P&P secara *hands – on* adalah berkesan

Kos untuk perolehan peralatan untuk sesebuah institusi PTV sangat tinggi dan ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk menyediakan modal insan yang berketrampilan seiring dengan perkembangan Teknologi Hijau. Disamping itu, penyediaan buku dan jurnal berkaitan Teknologi Hijau, hasil dapatan juga menunjukkan pada tahap tinggi dengan skor min 3.67 dimana buku dan jurnal yang disediakan di perpustakaan bagi memudahkan pelajar membuat rujukan untuk tugas yang diberikan oleh pengajar serta mendapat maklumat tambahan mengenai Teknologi Hijau.

Kesimpulannya, daripada analisis kajian didapati tahap kesediaan pelajar dalam penerapan konsep Teknologi Hijau semasa proses pengajaran dan pembelajaran di Kolej Kemahiran Tinggi MARA Sri Gading berada pada tahap yang tinggi.

5.3.2 Sejauh manakah tahap keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran terhadap penerapan konsep Teknologi Hijau di KKTM Sri Gading?

Dapatan persoalan kajian kedua daripada kajian yang telah dijalankan iaitu berkaitan dengan tahap keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran terhadap penerapan konsep Teknologi Hijau. Bagi menjawab soalan kajian kedua, data daripada instrumen soal selidik telah dianalisis secara statistik deskriptif untuk mendapat nilai min dan sisihan piawai seperti yang dipersembahkan di dalam Jadual 4.4 menunjukkan tahap keberkesanan proses P&P terhadap penerapan konsep Teknologi Hijau adalah pada tahap tinggi dengan nilai min = 3.99 dan sd=0.467.

Kaedah P&P merupakan aspek penting dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang menentukan kejayaan atau kegagalan sesuatu pembelajaran. Kaedah P&P yang diamalkan di KKTM Sri Gading juga berteraskan konsep pembelajaran berasaskan masalah dimana pelajar bekerja dalam kumpulan untuk kerja amali, projek ataupun pembentangan laporan dimana dapatan kajian menunjukkan pada tahap tinggi. Ini bersesuaian dengan kenyataan Cindy (2004) dimana pembelajaran berasaskan masalah merupakan satu kaedah yang menekankan pengalaman sebenar dan juga pembelajaran berpusatkan pelajar. Pernyataan ini menyokong dapatan oleh Azhar (2004) dalam Sidek (2007) dimana kemahiran memerlukan latihan, usaha yang berterusan dan kawalan supaya ianya lebih efektif dan efisien. Dapatan kajian yang dilakukan oleh Md. Zain *et.al.* (2007) mengenai proses pengajaran dan pembelajaran kearah meningkatkan kesedaran alam sekitar di kalangan pelajar dimana hasil dapatan beliau mendapati cara pengajaran yang dilakukan melalui pembelajaran berasaskan masalah dapat melahirkan kesedaran, memperolehi ilmu yang bermanfaat, membentuk sikap serta menggunakan kemahiran yang ada.

Keberkesanan proses P&P berkait rapat dengan persediaan pengajar sebelum memasuki kelas dimana pengajar perlu bersedia untuk aktiviti pengajaran yang akan dilaksanakan. Hasil dapatan Sidek (2007) menunjukkan kebijaksanaan pengajar memilih kaedah dan teknik pengajaran adalah penting untuk merealisasikan keberkesanan dalam pengajaran dan pembelajaran disamping menggunakan strategi yang sesuai dalam menyatupadukan kemahiran dengan pendekatan pengajaran pembelajaran. Ini penting

sebagai seorang pengajar teknikal memerlukan kemahiran yang tinggi bagi tunjuk ajar kepada pelajar semasa amali, projek atau aktiviti luar yang melibatkan kerja kemahiran khususnya melibatkan elemen Teknologi Hijau.

Dari segi sikap pelajar tentang amalan kebersihan di asrama, bilik kuliah dan bengkel, hasil dapatan menunjukkan pada tahap tinggi. Ini menunjukkan amalan kebersihan menjadi keutamaan pelajar dalam menjaga kebersihan. Dapatan ini selari dengan Salwa (2005) dalam Zulkifle (2012) bahawa aktiviti P&P yang berkesan hendaklah merangsang pemikiran serta memupuk dan mengembangkan daya kreativiti pelajar. Walaupun hasil dapatan berada pada tahap tinggi, pengkaji berpendapat penerusan aktiviti serta program kebersihan perlu di amalkan setiap masa kerana ini diharapkan menjadi satu amalan kepada pelajar.

Pembangunan yang tidak terkawal menyumbang kepada kemusnahan alam sekitar seperti kadar pencemaran yang tinggi, kepupusan hutan dan dan menjejaskan ekosistem. Antara punca pencemaran ialah pelepasan asap kilang yang berlebihan dimana ini boleh mendatangkan pelbagai penyakit terutamanya mereka yang tinggal berdekatan dengan punca pencemaran. Ini selari dengan hasil dapatan dimana kilang yang berdekatan dengan KKTM penyumbang kepada pencemaran udara yang menunjukkan skor min 4.58. Selain daripada itu hasil dapatan juga menunjukkan pada tahap tinggi terhadap penanaman pokok dalam kawasan KKTM. Menurut kajian Ezzati *et al.* 2004 dalam Mihelcic *et al.* (2008) menyenaraikan pencemaran udara di kawasan bandar mencatatkan 5 % jenis risiko alam sekitar yang memberi kesan kepada kesihatan penduduk di dunia. Dapatan ini selari dengan pandangan Wehrmeyer & Chenoweth (2006) yang menyatakan bahawa pelaksanaan pembangunan mapan oleh masyarakat bergantung kepada individu yang mempunyai pengetahuan dan pendedahan tentang persekitaran, sosial dan isu ekonomi dan bagaimana mereka mengaplikasikan perkara tersebut di dalam aktiviti seharian.

Hasil keberkesanan proses P&P terhadap konsep Teknologi Hijau dapat dilihat dimana pelajar mempunyai hala tuju yang jelas sebelum tamat program iaitu hasil dapatan menunjukkan pada tahap tinggi dimana pelajar berusaha untuk menjalani latihan amali dan bercita – cita menjadi usahawan atau kontraktor Teknologi Hijau. Ini selaras dengan objektif penubuhan KKTM antaranya untuk melahirkan usahawan profesional

dalam bidang pembinaan. Dapatan kajian ini juga dibuktikan oleh hasil kajian Ayob (2007) yang mendapati pelajar tahun akhir ADTEC Batu Pahat mempunyai ciri – ciri ushawan pada tahap yang tinggi. Dapatan ini juga bertepatan dengan kenyataan Nasir (2003) dimana kesedaran kerjaya merupakan aspek penting dalam membantu proses perkembangan kerjaya seseorang. Kesedaran kerjaya juga turut mempengaruhi pilihan dan aspirasi kerjaya dimana seseorang itu mengenalpasti sesuatu bidang pekerjaan yang dikenali dan disukai dan seterusnya mempengaruhi pilihan terhadap perkerjaan yang akan diceburi.

Dapatan kajian yang dijalankan di peringkat global iaitu *The Pennsylvania Green Jobs Survey Report of December 2010*, menunjukkan bahawa pihak industri menitik beratkan pekerjaan hijau yang mana seseorang pekerja yang diterima bekerja boleh memberi hasil pekerjaan yang mempromosi penggunaan tenaga yang mencukupi, menyumbang ke arah kelestarian penggunaan tenaga, mengelak berlakunya pencemaran, membersihkan alam sekitar, menyediakan pendidikan dan latihan Teknologi Hijau. Ini selari dengan dapatan Jones (2008) menyatakan pekerja kolar hijau semakin mendapat tempat kerana mereka membantu membendung pelepasan gas rumah hijau, membuang toksin serta membantu melindungi sistem semulajadi.

Secara kesimpulannya, daripada hasil analisis dapatan kajian menunjukkan tahap keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran terhadap penerapan konsep Teknologi Hijau di KKTM Sri Gading berada pada tahap yang tinggi.

5.3.3 Sejauh manakah terdapatnya hubungan di antara tahap kesediaan pelajar dan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran terhadap penerapan Konsep Teknologi Hijau menerusi proses pengajaran dan pembelajaran?

Dalam kajian ini, penkaji ingin melihat samada terdapatnya hubung kait di antara tahap kesediaan pelajar dan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran terhadap penerapan konsep Teknologi Hijau menerusi proses pengajaran dan pembelajaran di KKTM Sri Gading. Oleh itu, penkaji menggunakan skor min kedua – dua pembolehubah secara keseluruhan bagi mengetahui samada terdapatnya hubungkait.

